



Buletin IKIM BULLETIN

Bil. 4/2017 • PERCUMA • OKTOBER-DISEMBER/2017 | Vol. 4/2017 • FREE • OCTOBER- DECEMBER/2017

03-62046200

03-62046333

<http://www.ikim.gov.my>

<https://twitter.com/myikim>

<https://www.facebook.com/institutkefahamanislammalaysia>



ANUGERAH SPECIAL MERIT AWARD "IBRAH FROM DISASTER"

samb. halaman 18 / see page 18 ►►

MUZAKARAH PAKAR "PENGUKUHAN PENDIDIKAN STEM : PENDEKATAN NILAI & BUDAYA"/ *EXPERTS' CONSULTATION ON "STRENGTHENING STEM EDUCATION: VALUES & CULTURE APPROACH"*

samb. halaman 5 / see page 5 ►►

SEMINAR "HALATUJU HIBURAN & LAGU ISLAMI"/ *SEMINAR ON "DIRECTION OF ISLAMIC ENTERTAINMENT & SONGS"*

samb. halaman 6 / see page 6 ►►

Isi Kandungan Contents

Buletin Oktober-Disember 2017 / October-December 2017 Bulletin

Penasihat / Advisors

Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin
Ketua Pengarah/Director-General

Dr. Mohd. Zaidi Ismail
*Timbalan Ketua Pengarah/
Deputy Director-General*

Sidang Pengarang / Editorial Board

Zawiah Md. Sari
Muhammad Shafiq Borhannuddin
Wan Zahidah Wan Zainuddin
Mohd Noor Musa

Penterjemah / Translator

Mastura Mohd. Zain

Penyunting / Editor

Zainora Abdul Ghani

Jurugambar / Photographer

Fathulmungin Mohd. Yusof

Edaran / Distribution

Wan Zahidah Wan Zainuddin
Fathulmungin Mohd. Yusof

Diterbitkan oleh / Published by

Unit Perhubungan Korporat
Institut Kefahaman Islam Malaysia
No. 2 Langgak Tunku
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Pencetak / Printer

Johan Interlink Sdn. Bhd.
32, Jalan TIB 1/19
Taman Industri Bolton
68100 Batu Caves
Selangor.

03-07 Program/Seminar / Programme/Seminar

- Muzakarah Pakar "Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Berlandaskan Maqasid al-Syariah" / *Experts' Consultation on "Strengthening Family Institutions Based on Maqasid al-Shariah"*
- Muzakarah Pakar "Kesihatan Mental: Perspektif Islam & Neuropsikiatri Experts' Consultation on "Mental Health: Islamic & Neuropsychiatric Perspectives"
- Sidang Media Anugerah Nasyid 2017 & Karnival Mahabbah IKIM Selangor 2018 / *Press Conference on the 2017 Nashid Awards & 2018 Selangor IKIM Mahabbah Carnival*

08-10 Ceramah/Bengkel/Seminar / Talk/Workshop/Seminar

- Program Al Islam Jamil/ *Al Islam Jamil Programme*
- Kem Klinik Jawi / *Jawi Clinic Camp*
- Program Semarak Pertak/ *Semarak Pertak Programme*

11-12 Aktiviti Semasa / Current Activities

13-14 Perantarabangsaan / Internationalisation

15-16 Aktiviti Dalaman IKIM / IKIM Internal Activities

18-19 IKIM Di Media / IKIM In The Media

20-22 IKIMfm / IKIMfm

Muzakarah Pakar “Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Berlandaskan Maqasid al-Syariah”

KEGAGALAN mempraktikkan elemen Maqasid al-Syariah dalam kehidupan dilihat sebagai punca yang mendorong kepada kerapuhan institusi kekeluargaan. Oleh itu pada 11 Oktober, IKIM mengadakan muzakarah dengan bermatlamatkan untuk memberi kefahaman tentang kepentingan pengukuhan institusi keluarga, mengenal pasti masalah-masalah kritikal yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam di Malaysia dari perspektif perundangan, sosiologi, psikologi dan ekonomi serta mencari jalan penyelesaiannya.

Antara rumusan yang diperoleh hasil muzakarah ini ialah Dasar Sosial Negara (DSN) disarankan untuk dikaji semula agar selari dengan perkembangan modal insan dan cabaran semasa, serta memberi tumpuan kepada pendidikan keagamaan dan spiritual sebagai pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan sosial negara. Selain itu, kerjasama pelbagai agensi seperti agensi kerajaan, NGO dan juga seluruh lapisan masyarakat amat diperlukan untuk mengatasi masalah kekeluargaan, penceraian dan masalah sosial dan menangani trend negatif serta meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat. DSN dan mekanisme pelaksanaannya perlu difahami agar apa yang digariskan menerusi DSN dapat diteruskan dan dicapai.

Dua buah laporan kajian iaitu “Kajian Pengharmonian Undang-undang: Undang-undang Bertulis” dan “Tekanan Mental dalam Konflik Perkahwinan: Cadangan Penyelesaian Alternatif di Bawah Tuntutan Fasakh” telah diserahkan kepada Tan Sri Sheikh Ghazali di akhir muzakarah ini. Kedua-dua laporan tersebut telah disediakan oleh para penyelidik IKIM sendiri.

Experts’ Consultation on “Strengthening Family Institutions Based on Maqasid al-Shariah”

FAILURE to practise the elements of Maqasid al-Shariah in life is seen as the cause that leads to the fragility of the family institution. On 11 October, IKIM held a Consultation which aimed at giving an understanding of the importance of strengthening the family institution, identifying critical issues relating to the Muslim family in Malaysia from the perspective of law, sociology, psychology and economics as well as finding solutions.

Among the findings of the Consultation is the recommendation that the National Social Policy be reviewed so that it is in parallel with the development of human capital and current challenges, and focus on religious and spiritual education as a catalyst for the nation’s development and social progress. In addition, the collaboration of various agencies such as government agencies, NGOs and all levels of society is really needed to overcome family problems, divorce and social problems, address negative trends and improve the quality of life of the people. The National Social Policy and its implementation mechanism need to be understood so that what is outlined can be continued and achieved.

Two research reports, “A Study on the Harmonisation of Law: Statutory Laws” and “Mental Stress in Marital Conflicts: Proposed Alternative Solutions Under Fasakh Claims” were submitted to Tan Sri Sheikh Ghazali at the end of the Consultation. Both reports were prepared by IKIM researchers.



- Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman, Ahli Lembaga Pengarah IKIM & Penasihat Perundungan Syariah, Jabatan Peguam Negara semasa ucapan perasmian penutup.
- *Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman, IKIM Board Member & Shariah Legal Advisor, Attorney - General's Chambers delivering the closing ceremony speech.*



- Ucapan aluan oleh Dr Mohd Farid Shahran Pengarah Pusat SYARAK.
- *Welcoming speech by Dr. Mohd Farid Shahran, Director of SHARAK.*

Muzakarah Pakar “Kesihatan Mental: Perspektif Islam & Neuropsikiatri”

PADA 17 Oktober, IKIM dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Neurosains (P3Neruro) Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan “Muzakarah Pakar Kesihatan Mental: Perspektif Islam & Neuropsikiatri” bertempat di Dewan Besar IKIM. Muzakarah ini diadakan dengan tujuan untuk melihat isu-isu dan cabaran dalam kesihatan mental dan kaitannya dengan Islam yang mana agama dan sains (neurosains/psikiatri) perlu diintegrasikan dalam isu perawatan dan pencegahan penyakit mental berdasarkan ilmu perubatan semasa dan pandangan Islam serta mencari kesepakatan kefahaman khususnya yang berkait dengan neuropsikopatologi. Para pembentang terdiri daripada pakar dalam bidang psikiatri dan psikologi serta agama. Majlis perasmian muzakarah ini telah disempurnakan oleh Dr. Norashikin Ibrahim daripada Kementerian Kesihatan Malaysia yang mewakili Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Bersempena muzakarah ini juga, satu majlis pelancaran buku baharu IKIM telah disempurnakan oleh Datuk Prof. Dr Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM. Dua buah judul buku tersebut ialah “Hidup dan Mati: Perspektif Islam dan Neurosains” dan “Arahan Perubatan Awal: Perspektif Bioetika Islam”.

Experts' Consultation on “Mental Health: Islamic & Neuropsychiatric Perspectives”

ON 17 October, IKIM in collaboration with the Centre for Neuroscience Research and Services (P3Neruro), Science University of Malaysia (USM) organised an Experts Consultation on “Mental Health: Islamic & Neuropsychiatric Perspectives” at IKIM Grand Hall. The Consultation was held with the aim of looking at the issues and challenges in mental health and its relationship with Islam where religion and science (neuroscience / psychiatry) need to be integrated in the issue of treatment and prevention of mental illness based on current medical knowledge and Islamic view, also to seek unity of understanding especially in relation to neuropsychopathology. The presenters were experts in psychiatry and psychology as well as religion. The inauguration ceremony was carried out by Dr. Norashikin Ibrahim from the Ministry of Health Malaysia representing the Director-General of the Ministry of Health, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

In conjunction with the Consultation, a book launching ceremony of new IKIM titles were conducted by Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, IKIM Director-General. The two books were “Life and Death: Islamic & Neuropsychiatric Perspectives” and “Advance Medical Directive: Islamic Bioethical Perspective”.



- Majlis pelancaran buku oleh Ketua Pengarah IKIM.
- The book launching ceremony by IKIM Director-General.

Muzakarah Pakar “Pengukuhan Pendidikan STEM Pendekatan Nilai & Budaya”

PENDIDIKAN Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STKM) atau Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) telah sinonim dengan IKIM sejak tahun 2015 bila mana IKIM mula terlibat dalam Penggerak STEM Kebangsaan. Penglibatan ini secara tidak langsung telah mula diwarkan melalui pelbagai medium dan turut menjalankan kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sehubungan itu pada 1–2 November, IKIM dengan kerjasama Penggerak STEM Kebangsaan mengadakan Muzakarah Pakar “Pengukuhan Pendidikan STEM : Pendekatan Nilai dan Budaya”.

Matlamat penganjuran program ini antaranya ialah memberi kefahaman mengenai kepentingan menguasai STEM dari sudut agama dan membincangkan usaha yang terbaik untuk mengukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) subjek STEM. IKIM telah mengambil inisiatif mengadakan wacana ilmiah ini dalam usaha meningkatkan semula minat terhadap STKM di kalangan pelajar dan masyarakat.

Turut membentangkan kertas kerja adalah Prof. Dato' Dr Noraini Idris, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merangkap Pengerusi Penggerak STEM Kebangsaan, Prof. Dato' Dr Yusof Othman, Pengarah, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga merupakan Fellow Kehormat IKIM serta beberapa orang pakar dalam bidang STEM dan juga pegawai akademik IKIM. Adalah diharapkan agar muzakarah seumpama ini membantu dalam usaha memajukan bidang sains di Malaysia.



- Dari kiri: Prof. Dato' Dr Yusof Othman, Dr Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh dan Datuk Prof. Dr Azizan Baharuddin.
- From left: Prof. Dato' Dr. Yusof Othman, Dr. Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh and Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin.

Experts' Consultation on “Strengthening STEM Education: Values & Culture Approach”

The Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Education has been synonymous with IKIM since 2015 when it was first involved in the STEM National Movement. The involvement has been indirectly broadcasted through various media and also collaborated with the Islamic Science University of Malaysia (USIM) and the Sultan Idris Education University (UPSI). In relation to that, on 1–2 November, IKIM in collaboration with the National STEM Movement, organised an Experts' Consultation on “Strengthening STEM Education: Values and Culture Approach”.

The aim of the programme was to provide an understanding on the importance of mastering STEM from the point of religion and discussing the best efforts to strengthen the quality of teaching and learning STEM subjects. IKIM had taken the initiative to have the scientific discourse in an effort to rebuild interest in STEM among students and communities.

Also those who presented their papers were Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation), Sultan Idris Education University (UPSI) cum Chairman, National STEM Movement, Prof. Dato' Dr. Yusof Othman, Director, Islamic Hadhari Institute, The National University of Malaysia (UKM) who is also IKIM Honorary Fellow, several experts in the field of STEM and also IKIM academic staff. It is hoped that the Consultation would help in the development of science in Malaysia.



- Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Penggerusi Penggerak STEM Kebangsaan ketika membentangkan kertas kerja.
- Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Chairman of the National STEM Movement during her paper presentation.

Seminar "Halatuju Hiburan & Lagu Islami"

BUAT julung kalinya IKIM mengadakan Seminar "Halatuju Hiburan dan Lagu Islami" pada 12 Disember. Objektif seminar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada penggiat-penggiat seni dan hiburan Islami berhubung dengan konsep hiburan lagu dalam Islam, sejarah dan falsafahnya. Selain itu, seminar ini turut membahaskan isu-isu dan cabaran dalam menghasilkan lagu-lagu berkonseptan Islami atau ketuhanan di Malaysia serta mengenalpasti halatuju masa depan industri hiburan lagu-lagu Islami di Malaysia.

Seminar yang diadakan bersempena Anugerah Nasyid 2017 pada 13 Januari 2018 merupakan salah satu usaha IKIM bagi membuka ruang percambahan ilmu, dan mendekatkan kesedaran terhadap realiti yang berlaku dalam industri hiburan lagu dan muzik Islami. Pengisian seminar ini membincangkan tentang ruang yang diberikan agama Islam dan batasan yang ditentukan oleh Syariah kerana fitrah manusia yang tertarik dengan bunyi-bunyian yang merdu dan indah.

Satu sesi forum yang bertajuk "Cabaran dan Halatuju Hiburan Lagu Islami di Malaysia" turut diadakan dengan menampilkan penggiat seni tanahair iaitu Pn. Hjh Habsah Hassan (Penulis Lirik/ Penulis Skrip) dan Sdr. Hafiz Hamidun (Artis). Seorang lagi ahli panel adalah daripada UiTM iaitu En. Ahmad Farami Abdul Karim. Manakala moderator adalah Sdr. Mohammad Suffian Amrin (Juruhebah IKIM.fm/ Artis).

Sahibus Samahah Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah menyampaikan ucaptama yang bertajuk "Konsep Hiburan Lagu dan Muzik dalam Islam" dan perasmian oleh Datuk Prof. Dr Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM. Adalah diharapkan program seumpama ini akan menjadi ruang perbincangan terbaik untuk semua pihak berkepentingan dalam industri hiburan Islami di Malaysia yang mana umum menyedari bahawa cabaran yang terdapat dalam industri hiburan Islami ialah pengaruh Barat.



▪ Dari kiri: En. Ahmad Farami Abdul Karim (UiTM), Mohammad Suffian Amrin (artis), Pn. Hajah Habsah Hassan (Penulis Lirik/ Penulis Skrip) dan En. Hafiz Hamidun (artis).

▪ From left: Mr. Ahmad Farami Abdul Karim (UiTM), Mohammad Suffian Amrin (artiste), Mdm. Hajah Habsah Hassan (Lyricist / Scriptwriter) and Mr. Hafiz Hamidun (artiste).

Seminar on "Direction of Islamic Entertainment & Songs"

FOR the first time, IKIM held a Seminar on "The Direction of Islamic Entertainment and Songs" on 12 December. The objective of the seminar was to provide exposure to Islamic art and entertainment activists with the concept of entertainment and songs in Islam, its history and philosophy. In addition, the seminar also addressed issues and challenges in producing songs with Islamic concept or Godliness in Malaysia as well as identifying the future direction of Islamic entertainment songs industry in Malaysia.

The seminar which was held in conjunction with the 2017 Nashid Awards on 13 January 2018 was one of IKIM's efforts to open the space to increase knowledge, and bring closer awareness to the reality in the Islamic entertainment and songs industry. The seminar discussed the space provided by Islam and the restrictions determined by Shariah as human nature is attracted to melodious and beautiful sounds.

A forum session titled "Challenges and Direction of Islamic Song Entertainment" was also held featuring local artistes such as Mdm. Hjh Habsah Hassan (Lyricist / Scriptwriter) and Mr. Hafiz Hamidun (Artiste). Another panel member was from UiTM, Mr. Ahmad Farami Abdul Karim while the moderator was Mr. Mohammad Suffian Amrin (IKIM.fm Annoucer/ Artiste).

Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, th Federal Territory Mufti, Federal Territory Mufti Office delivered a keynote address titled "Concept of Song and Music Entertainment in Islam" and the inauguration was conducted by Datuk Prof. Dr Azizan Baharuddin, IKIM Director-General. It is hoped that such a programme would be the best platform for all stakeholders in the Islamic entertainment industry in Malaysia which the general public was aware that challenges in the Islamic entertainment industry were of Western influences.



▪ Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan menyampaikan ucaptama.

▪ Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Sahibus Samahah Mufti of the Federal Territory delivered the keynote address.

Sidang Media Anugerah Nasyid 2017 & Karnival Mahabbah IKIM Selangor 2018

SATU sidang media berkenaan Anugerah Nasyid (AN) 2017 dan Karnival Mahabbah IKIM Selangor 2018 telah diadakan pada 12 Disember di IKIM. Sidang media turut dihadiri oleh para finalis AN17. Program hasil kerjasama NBOS antara Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Al-Hijrah Media Corporation (TV Alhijrah) ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat industri dari kalangan pencipta lagu, penulis lirik, penyanyi dan lain-lain pihak yang terlibat dalam penghasilan karya mereka. Lagu-lagu nasyid yang dipertandingkan tidak hanya menampilkan genre nasyid semata-mata tetapi diperluaskan juga kepada lagu yang bertemakan ketuhanan dan kemanusiaan.

AN17 bermula dari Segmen Carta Nasyid IKIMfm yang bersiaran setiap Sabtu jam 10 pagi kendalian dan terbitan En. Mohd. Erwan Johari. Carta ini telah bermula dari Mac 2015 sehingga Mei 2017 dan lagu-lagu yang berjaya memasuki carta pada setiap minggu akan dinilai mengikut sistem pemarkahan yang ditetapkan oleh IKIM.

Sebanyak 11 kategori anugerah dipertandingkan iaitu Juara, Naib Juara dan Ketiga Anugerah Nasyid 2017. Anugerah lain ialah lirik, vokal, persembahan, artis baharu, muzik video, lagu pilihan, artis solo pilihan dan artis duo/berkumpulan pilihan. Turut hadir semasa sidang media tersebut ialah Dr. Abu Bakar Sarpon, Ketua Pegawai Operasi TV Al-Hijrah.



- Dari kiri: Dr Nik Roskiman Abdul Samad, Datuk Prof. Dr Azizan Baharuddin dan Dr Abu Bakar Sarpon semasa sidang media.
- From left: Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin and Dr. Abu Bakar Sarpon during the press conference.

Press Conference on the 2017 Nashid Awards & 2018 Selangor IKIM Mahabbah Carnival

A PRESS conference on the 2017 Nashid Awards (NA) and the 2018 Selangor IKIM Mahabbah Carnival was held on 12 December at IKIM. The media conference was also attended by NA17 finalists. The programme was a collaboration among NBOS, the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) and Al-Hijrah Media Corporation (TV Alhijrah) which aimed at giving recognition to industry players from song composers, lyricists, singers and others involved in producing their work. The contested nashid songs not only featured those of nashid genre but also songs on Godliness and humanitarian themes.

NA17 started from IKIMfm Nashid Chart Segment broadcasted on Saturdays at 10 am, hosted and produced by Mr. Mohd. Erwan Johari. The chart first began in March 2015 until May 2017 and songs which successfully entered the weekly chart would be evaluated according to the scoring system set by IKIM.

A total of 11 award categories were contested: Champion, First Runner-up and Second Runner-up placings of the 2017 Nashid Awards. Other awards included lyrics, vocals, performance, new artiste, music video, selected songs, selected solo artiste and selected duo / group artistes. Also present during the press conference was Dr Abu Bakar Sarpon, Chief Operating Officer of TV Al-Hijrah.



- Barisan artis yang telah terpilih untuk pertandingan akhir AN17.
- A line up of artistes selected for the NA17 finals.

Program Al Islam Jamil

PROGRAM yang diadakan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Lenggong, Perak pada 16–19 November ini merupakan anjuran bersama IKIM, KKTM dan Institut Industri MARA-Jepun (MJII). Tujuan utama program ini adalah menghimpunkan pelajar KKTM, MJII dan IKM dalam satu wacana ilmu bagi membangunkan modal insan berkonsepkan gerak kerja amal Islam dan kerohanian.

Objektif program ini antaranya untuk meningkatkan amalan kepatuhan dan ketaatan peserta kepada Allah dalam segala urusan kehidupan selain meningkatkan ilmu pengetahuan dan komitmen pelajar terhadap tanggungjawab beragama dan hidup bermasyarakat. Program ini menggabungkan modul-modul latihan yang praktikal sesuai dengan kehidupan harian seorang belia yang dinamik, praktikal dan profesional. Program yang menghimpunkan seramai 144 orang pelajar KKTM dan MJII ini amat sesuai dengan keperluan kerajaan pada masa kini yang meletakkan harapan tinggi kepada generasi muda sebagai modal insan untuk meneruskan kepimpinan negara pada masa depan.

Al Islam Jamil Programme

THE programme at the MARA High Skills College (KKTM) Lenggong, Perak on 16–19 November was held jointly by IKIM, KKTM and the MARA-Japan Industrial Institute (MJII). The main purpose of the programme was to assemble KKTM, MJII and IKM students in a knowledge discourse to develop human capital based on the concept of Islamic charity work move and spirituality.

The objective of the programme was to increase piety and obedience to Allah in all matters of life besides enhancing the knowledge and commitment of students towards religious responsibility and community life. The programme combined practical exercise modules which were suitable to the daily life of a dynamic, practical and professional youth. The programme which brought together 144 KKTM and MJII students was in line with the current needs of the present government which put high expectations on the younger generation as human capital to continue the country's leadership in the future.

Kem Klinik Jawi

KEM Klinik Jawi ini diadakan pada 16 Disember di Dewan Besar IKIM. Dato' Nafisah Ahmaad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyampaikan ucapan aluan dalam program ini. Program ini adalah kesinambungan daripada rancangan Klinik Jawi yang disiarkan di IKIMfm sejak Jun 2012, hasil kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan PNM.

Pengisian kem ini adalah sesi pengenalan sistem ejaan Jawi baharu, sistem ejaan kata Melayu jati dan sistem ejaan kata serapan Inggeris dan Arab. Usaha untuk memartabatkan tulisan jawi ini diharap dapat mengubah persepsi masyarakat yang sering sangsi mengenai penyebaran tulisan Jawi sebagai alat penyebaran agama Islam kepada seluruh masyarakat sedangkan tulisan Jawi adalah satu skrip penulisan yang mudah dan perlu dikuasai oleh semua sebagai legasi budaya dan warisan masyarakat Malaysia.

Jawi Clinic Camp

THE Jawi Clinic Camp was held on 16 December at the IKIM Grand Hall. Dato' Nafisah Ahmaad, the Director-General of the National Library of Malaysia (PNM) delivered the welcoming speech. The programme was a continuation of the Jawi Clinic programme broadcasted on IKIMfm since June 2012, in collaboration with Dewan Bahasa dan Pustaka (Council of Language and Literature) and PNM.

The camp contents were the introduction to the new Jawi spelling system, the true Malay word spelling system and the English and Arabic word absorption spelling system. Such an effort to elevate the Jawi writing could hopefully change the perception of the society who were often sceptical regarding the spread of Jawi writing as a means of spreading the religion of Islam to the society, when in fact, Jawi writing is an easy script and must be mastered by all as a legacy of the Malaysian culture and heritage.



- Tuan Haji Hamdan Abd. Rahman, Pakar Rujuk Tulisan Jawi sedang berinteraksi dengan peserta.
- Tuan Haji Hamdan Abd. Rahman, Jawi Writing Consultant interacted with participants.

Program Semarak Pertak

IKIM telah memberikan kerjasama dan sokongan terhadap program-program yang dijalankan oleh agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri. Program yang diadakan pada 19 November ini merupakan anjuran Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Program yang bertempat di Perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Perta Hulu Selangor telah memberi pendedahan kepada warga kerja IKIM yang menyertainya. Di samping menyertai pertandingan seperti memancing, memasak bersama wanita orang asli, IKIM juga berusaha mengenangkan IKIMfm sebagai sumber ilmu berpanjangan kepada masyarakat di sana. Warga IKIM turut bermurah hati menyertai pengumpulan pakaian terpakai untuk diserahkan kepada masyarakat orang asli di sana. Program ini telah dilancarkan oleh Dato' Prof. Dr. Sheikh Haji Sudin Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

Semarak Pertak Programme

IKIM cooperated and gave support to programmes conducted by religious agencies under the Prime Minister's Department. The programme which was held on 19 November, was organised by Waqaf Malaysia Foundation (YWM). The programme which was held at the Orang Asli Settlement, Kampung Sungai Perta Hulu Selangor, provided exposure to participating IKIM work force. In addition to participating in competitions such as fishing, cooking with indigenous women, IKIM also strived to highlight IKIMfm as a source of prolonged knowledge to the community there. The IKIM work force also generously participated in the collection of used garments to be handed to the indigenous people there. The programme was launched by Dato' Prof. Dr. Sheikh Haji Sudin Haron, Chief Executive Officer of YWM.



- Pertandingan memasak bersama wanita orang asli.
- A cooking competition with indigenous women.

Karnival Jom Bersamak Wa'yeh He'y

SOKONGAN IKIM terhadap agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri tidak terhad kepada sesebuah agensi sahaja. Sekali lagi IKIM memberikan sokongan kepada JAKIM terhadap penganjuran program Karnival Jom Bersamak Wa'yeh yang diadakan pada 25–26 November. Karnival yang diadakan di Kampung Orang Asli, Sungai Judah, Pulau Carey ini dirasmikan oleh Datuk Haji Zainal Abidin Jaffar, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Karnival ini melibatkan sukaneka, persembahan pentas, perkhidmatan kebajikan dan sebagainya. IKIM juga turut membuat hebatan dan lintas langsung menerusi IKIMfm serta turut mengadakan sesi wawancara bersama Datuk Haji Zainal Abidin Jaffar.

Let's With Wa'yeh He'y Carnival

IKIM'S support for religious agencies under the Prime Minister's Department was not limited to one single agency. Once again, IKIM supported JAKIM in organising the Let's With Wa'yeh Carnival which was held from 25–26 November. The carnival held at Kampung Orang Asli, Sungai Judah, Carey Island was inaugurated by Datuk Haji Zainal Abidin Jaffar, Deputy Director-General (Human Development) of the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM). The carnival involved telematches, stage performances, charity services etc. IKIM also made live broadcast through IKIMfm and an interview session with Datuk Haji Zainal Abidin Jaffar.



- IKIM turut membuat liputan sepanjang karnival dijalankan.
- IKIM also made coverage throughout the carnival.

Karnival i-Korporat

KARNIVAL ini dianjurkan oleh Sekretariat Dakwah Korporat (SDK) JAKIM pada 15–17 November di Hotel TH Alor Setar, Kedah. Program ini turut disertai oleh agensi-agensi di bawah YB Mejra Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta syarikat-syarikat korporat yang menjadi ahli di dalam SDK JAKIM. Sebagai menyokong usaha pihak SDK JAKIM, IKIM telah turut serta mengambil bahagian di dalam Program i-Korporat ini sebagai pempamer, peserta CEO Corporate Talk dan Bengkel Penyediaan Modul Dakwah Korporat JAKIM.



- Peserta CEO Corporate Talk.
- Participants of the CEO Corporate Talk.

Bengkel “Pengurusan Emosi Dalam Organisasi”

EMOSI yang tidak diurus dengan baik akan mengakibatkan masalah bukan sahaja dalam kehidupan seharian malah lebih mencabar lagi apabila membuat keputusan. Oleh itu, bengkel anjuran Unit Perundingan IKIM yang diadakan pada 30–31 Oktober kepada warga kerja Lembaga Hasil Dalam Negeri ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada kepentingan kecerdasan emosi, memberi kefahaman tentang pengurusan emosi serta meningkatkan kemahiran peserta dalam teknik pengurusan emosi. Diharapkan dengan adanya bengkel seumpama ini setiap warga kerja mempunyai kemahiran pengurusan emosi dan dapat memacu kecemerlangan diri serta organisasi.

i-Corporate Carnival

THE carnival was organised by JAKIM Corporate Dakwah Secretariat (SDK) on 15–17 November at TH Hotel, Alor Setar, Kedah. The programme was also participated by agencies under the YB Major-General Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (Rtd.), Minister at the Prime Minister's Department as well as corporate companies who were members of the JAKIM SDK. In support of JAKIM SDK's efforts, IKIM also participated in the i-Corporate Programme as exhibitor, participant of CEO Corporate Talk and JAKIM Corporate Dakwah Module Preparation Workshop.

Workshop on “Emotions Management in the Organisation”

EMOTIONS that are not managed well will cause problems not only in everyday life but also in decision-making process. Therefore, the workshop organised by the IKIM Consultancy Unit from 30–31 October for the Inland Revenue Board staff was to expose them to the importance of emotional intelligence, to provide understanding on emotions management and to enhance participants' skills in emotions management techniques. The workshop would hopefully assist every employee with emotions management skill and able to drive him/her and the organisation to excellence.

Hadhari Global Network (Jaringan Global Hadhari)

